

10 rumah penduduk terjejas

Kampung Pasir Baru dilanda banjir lumpur tengah malam semalam



Keadaan persekitaran kediaman-kediaman terlibat yang terjejas berikutan banjir lumpur malam semalam.

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Lebih 10 keluarga di Kampung Pasir Baru, Pantai Dalam terjejas berikutan berlakunya banjir lumpur, tengah malam semalam.

Lebih malang, air lumpur turut memasuki beberapa unit rumah termasuk sebuah kedai runcit yang terletak di jalan utama, berhampiran Lebuhraya Pantai Baru (NPE).

Seorang mangsa yang juga peniaga kedai runcit, Dalina Mohd Shah, 38, berkata, dia menyedari air mula naik ketika pulang dari membeli barang kira-kira jam 12 tengah malam.

Menurutnya, air hujan bersama lumpur memasuki dalam kedainya yang ditutup sejak jam 10 malam.

"Biasanya air tidak pernah naik sampai masuk dalam kedai. Nasib

baik tiada barang-barang terkena air lumpur kerana saya memang berjaga-jaga.

"Kejadian banjir lumpur ini sudah beberapa kali terjadi sejak bermulanya projek pembangunan di Bukit Gasing dalam tahun ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Ahmad Abdul Rahman, 81, berkata, ketika kejadian, dia sedang tidur dan dikejutkan serta dimaklumkan oleh jirannya tentang bencana itu.

Dia yang sudah menetap di situ sejak 40 tahun lalu berkata, kejadian itu menyebabkannya motosikalnya rosak kerana terendam dalam air lumpur.

"Dahulu pernah terjadi banjir, tetapi tiada lumpur. Akhir-akhir ini sahaja jika hujan lebat, akan jadi begini," katanya.

Prihatin nasib menimpa mangsa, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar melawat mereka dan melihat keadaan banjir lumpur tersebut.

Nurul Izzah berkata, keadaan tersebut berkemungkinan disebabkan oleh pembangunan yang dijalankan, menyebabkan air mengalir ke kawasan bawah.

"Terdapat beberapa projek, namun kita tidak pasti yang mana satu yang menjadi punca banjir lumpur ini.

"Jadi saya gesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) segera menjalankan siasatan agar perkara ini tidak berulang," katanya.

Beliau dalam pada itu berkata, pihaknya akan menyalurkan wang zakat kepada beberapa penjaja terlibat yang terjejas.